

11/06/1999

Dr M minta Pemuda utamakan perpaduan

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan Pergerakan Pemuda Umno supaya menunaikan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan serta mengutamakan perpaduan dan keutuhan Umno.

Pemuda Umno, kata Perdana Menteri, harus membelakangkan segala kepentingan lain untuk menentukan nasib orang Melayu dan Bumiputera terus terpelihara.

Menurutnya, rakyat akan kehilangan kehidupan selesa yang mereka nikmati sekarang jika Parlimen tergantung dan tidak ada parti kuat memerintah negara ini pada pilihan raya akan datang.

"Rakyat Malaysia tidak boleh mengambil mudah sesuatu perkara. Malah, mereka akan hadapi masalah ekonomi, sosial dan politik.

"Peringatan ini penting kerana ahli Pemuda tidak pernah berasa hidup di bawah penjajahan dan menyangka keselamatan mereka tetap terjamin walaupun ada konflik dalam parti.

"Orang Melayu selalunya berasa selamat dan mereka mengambil sesuatu itu secara mudah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Perhimpunan Perkasa Pergerakan Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Perhimpunan itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Naib Presiden Umno; Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein serta anggota Majlis Tertinggi (MT).

Sebelum itu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menyampaikan amanat tertutup kepada 1,993 pemimpin Pemuda Umno dari seluruh negara. Beliau turut menerima ikrar Pemuda untuk mempertahankan keunggulan Umno sebagai tunggak kerajaan daripada ancaman musuh dari dalam dan luar negara.

Pemuda Umno juga berikrar untuk bekerja dengan sepenuh tenaga dan pemikiran bagi kepentingan parti mengatasi kepentingan lain serta memurnikan rakyat dalam pilihan raya akan datang.

Dr Mahathir menegaskan, tidak ada perpecahan dalam Umno kecuali mereka yang keluar parti kerana tidak ada semangat dan jiwa Umno.

"Mereka yang keluar itu bukan ahli Umno sebenarnya. Mereka datang daripada kumpulan lain seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) dan kembali kepada parti mereka.

"Yang tinggal ini adalah yang betul-betul berjiwa Umno dan mereka sanggup berjuang untuk menjayakan Umno," katanya sambil menambah, Umno sehingga kini mempunyai 2.6 juta ahli.

Beliau menjelaskan, ketika Tengku Razaleigh Hamzah meninggalkan Umno dan menubuhkan Parti Semangat 46 (S46), lebih ramai ahli, termasuk anggota MT keluar daripada parti.

Sebaliknya, pemecatan bekas Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak diikuti oleh seorang pun ahli MT meninggalkan parti.

"Semua mereka masih bersama parti, malah masalah ahli meninggalkan parti kali ini adalah kecil berbanding ketika Tengku Razaleigh keluar menubuhkan S46," katanya.

Mengenai kedudukan sayap kanan Umno itu, Dr Mahathir berkata, suara Pemuda nampak nyaring apabila berikrar dengan penuh bersemangat seperti hari ini.

"Pemuda bukan lesu. Saya ingat, kalau Hishammuddin membenarkan, mereka akan mengganas tetapi kita larang kerana keganasan tidak boleh. Sebaliknya, mereka mesti berani hadapi segala cabaran," katanya.

Mengenai laporan media yang mendakwa pelajar Malaysia di luar negara tidak menyokong Umno, Dr Mahathir berkata, hanya beberapa orang bertindak sedemikian.

"Kebanyakan pelajar kita di luar negara berasa terhutang budi mendapat pelajaran. Mereka tidak akan mendapat pelajaran melainkan menerusi pertolongan dan biasiswa yang kita berikan," katanya.

Berhubung ramalan bahawa Barisan Nasional akan kehilangan beberapa kerusi di utara Semenanjung, beliau berkata, ada kerusi yang BN akan kalah dan ada pula yang ia akan menang.

"Ini adalah ramalan sebelum setiap pilihan raya tetapi biasanya ia silap," katanya sambil menjelaskan, beliau akan membuat lawatan ke seluruh negara selepas tertangguh untuk sementara.

"Saya sudah ke Sabah, Johor, Selangor dan saya akan pergi ke negeri-negeri lain, termasuk Kedah untuk menemui anggota Umno dan rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata, bilangan orang yang datang ketika lawatannya adalah besar dan maklumat yang diterimanya mengenai sokongan kepada BN adalah baik.

(END)